

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
PERINGKAT IBU PEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BIL. 01 / 2007**

Tarikh : 1 MAC 2007

Masa : 9.15 pagi – 11.15 pagi

Tempat : **Bilik Gerakan
Aras 4, Blok E7, Parcel E,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya.**

HADIR

PIHAK PEGAWAI

1. Y. Bhg. Dato' Dr. Haji Mohd Nasir Bin Mohd Ashraf
Ketua Setiausaha Pengerusi
2. Y. Bhg. Dato' Ahmad Bin Haji Kabit
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
3. Puan Nor'aini Binti Abdul Wahab
Setiausaha Bahagian Pengurusan Latihan
4. Puan Noor Majidah Binti Wallad
Setiausaha Bahagian Khidmat Pengurusan
5. Encik Mohd Yusof Bin Abdul Aziz
Timbalan Setiausaha Bahagian Kewangan
(Wakil Setiausaha Bahagian Kewangan)
6. Encik Zulkifli Bin Hamzah
Timbalan Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
(Wakil Setiausaha Bahagian Sumber Manusia)
7. Cik Chin Phaik Yoong
Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaan
(Wakil Setiausaha Bahagian Perolehan & Penswastaan)

8. Encik Abdul Latip Bin Jantan
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
(Wakil Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi)

URUS SETIA

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1. Puan Zalekha Binti Haji Mohamed Tahir
Ketua Penolong Setiausaha (PP)
2. Encik Chen Chwen Shin
Penolong Setiausaha (PP) 1
3. Encik Md Aziman Bin Aziz
Penolong Setiausaha (PP) 3

TURUT HADIR

1. Encik Teo Kim Siong
Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Pengurusan Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Encik Mohd Hussain Bin Che Mamat
Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Pengurusan Kualiti)
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Puan Hashimah Binti Abdul Razak
Ketua Penolong Setiausaha (Kaunseling)
Bahagian Khidmat Pengurusan
4. Encik Muhd Fahmi Bin Abd Talib
Penolong Setiausaha (Kaunseling)
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEGAWAI

1. Y. Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohd Ismail Merican Timb. Pengerusi
Ketua Pengarah Kesihatan
2. Cik Hajjah Jama'ah Binti Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)
3. Puan Sabariah Binti Hassan
Setiausaha Bahagian Sumber Manusia
4. Tuan Haji Mohd Azhar Bin Marzuki
Setiausaha Bahagian Perolehan dan Penswastaaan
5. Puan Hasnah Binti Haji Salleh
Setiausaha Bahagian Pembangunan Kompetensi
6. Encik Ng Swee Ting
Setiausaha Bahagian Kewangan

KEHADIRAN PIHAK PEKERJA

1. Puan Mahanum Binti Daim
Pegawai Sistem Maklumat
Bahagian Perolehan Dan Penswastaan
Pengerusi MBJ
2. Encik Salahudin Bin Dato' Hidayat Shariff
Penasihat Undang-Undang
Pejabat Penasihat Undang-Undang
Naib Pengerusi MBJ
3. Cik Norhayati Binti Kassim
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pendidikan Kesihatan
Setiausaha Bersama MBJ
4. Cik Perada Wilson Putit
Pegawai Sains (Kaji Serangga)
Bahagian Kawalan Penyakit
Timb. Setiausaha MBJ
5. Puan Rosnah Binti Mohd Yusof
Jururawat (Pengajar)
Bahagian Pengurusan Latihan
AJK MBJ
6. Puan Nurulasmah Binti Mohamed
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Bahagian Perancangan dan Pembangunan
AJK MBJ

Bahagian Sumber Manusia

1. Cik Normaya Binti Nordin
Penolong Setiausaha Kanan (GS)

Bahagian Khidmat Pengurusan

1. Cik Nur Ain Binti Meskam
Pustakawan
2. Tuan Haji Ibrahim Bin Hamzah
Pemandu Kenderaan Bermotor
3. Encik Mohd Azri Bin Abdullah
Pembantu Am Rendah

Bahagian Pembangunan Kompetensi

1. Encik Abdul Hadi Bin Haji Salleh
Ketua Penolong Setiausaha

Bahagian Akaun

1. Encik Hamizul Fadzly Bin Abdul Hashim
Pegawai Akauntan
2. Puan Rohaya Binti Malek
Pembantu Tadbir Kewangan

Bahagian Perkhidmatan Farmasi

1. Encik Mohamad Bin Awang
Pembantu Farmasi
2. Puan Maisarah Binti Ahmad
Pembantu Tadbir Kanan
3. Encik Mohd Hatta Bin Haji Ahmad
Pegawai Farmasi

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

1. Encik Mohd Lazim Bin Kadir
Pembantu Perubatan

Bahagian Kesihatan Pergigian

1. Dr. Natifah Binti Che Salleh
Pegawai Pergigian
2. Encik Abdul Rahman Bin Jaafar
Juruteknologi Pergigian

Bahagian Kawalan Penyakit

1. Encik Mohd Salihan Bin Dakun
Pembantu Kesihatan Awam

Bahagian Perkembangan Perubatan

1. Cik Vimalathevi Perumal
Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Amalan Perubatan

1. Encik Ismail Bin A. Shukor
Pegawai Optometri

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

1. Puan Norzidah Binti Abu Khair
Pegawai Teknologi Makanan

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

1. Encik Azrul Nizam Bin Azhari
Penolong Pegawai Tadbir

Bahagian Pendidikan Kesihatan

1. Puan Sa'adiyah Binti Ahmad
Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)

Cawangan Audit Dalam

1. Puan Nooranita Binti Dain
Juruaudit

Unit Perhubungan Awam

1. Puan Jamilah Binti Mohd Shahid
Pegawai Perhubungan Awam

PIHAK PEKERJA YANG TIDAK HADIR

1. Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari AJK MBJ
2. Tuan Haji Abdul Ghani Bin Yusof
Pembantu Farmasi AJK MBJ
Bahagian Perkhidmatan Farmasi

Bahagian Kewangan

1. Puan Haslina Binti Awang Din
Penolong Pegawai Tadbir

Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1. Cik Aniza Binti Ahmad
Penolong Pegawai Sistem Maklumat

Bahagian Perolehan dan Penswastaan

1. Puan Fazilah Binti Ahmat
Pegawai Stor

Bahagian Dasar Korporat dan Industri Kesihatan

1. Encik Unny Sankar a/l Ravi Sankar
Pegawai Tadbir & Diplomatik

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

1. Puan Fatimah Zurina Binti Mohamad
Pegawai Sains (Zat Makanan)
2. Puan Habibah Binti Talib
Jururawat
3. Puan Norizan Mashttah Binti Mardan
Jururawat

Bahagian Kesihatan Pergigian

1. Puan Rohana Binti Mohamad Johari
Ketua Penyelia Jururawat Pergigian

Bahagian Kawalan Penyakit

1. Tuan Haji Zainal Bin Abd. Ghaffar
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran

Bahagian Perkembangan Perubatan

1. Dr. Asmah Binti Samat
Pegawai Perubatan
2. Puan Nor Asmah Binti Zainol
Penolong Pegawai Tadbir Kanan

Bahagian Amalan Perubatan

1. Tuan Haji Surni Bin Haji Mamat
Pembantu Perubatan
2. Puan Habsah Binti Mohd Arsad
Jururawat

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

1. Puan Meriam Binti Ali
Penolong Pegawai Tadbir

Bahagian Telekesihatan

1. Puan Norziah Binti Mahamud
Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi)
2. Puan Hajjah Jamilah Binti Abdullah
Ketua Jururawat

Bahagian Pendidikan Kesihatan

1. Encik Azlan Bin Ismail
Pegawai Senireka
2. Encik Nazli Bin Mat Noh
Ahli Fotografi
3. Encik Nor Bihisham Bin Johari
Penyelenggara Stor

Bahagian Perubatan Tradisional Dan Komplementari

1. Cik Siti Ina Suhaida Binti Idris
Penolong Pegawai Tadbir
2. Cik Norjanah Binti Abdul Karim
Pembantu Tadbir (P/O)

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan

1. Puan Aminah Binti Tanggu
Penolong Pegawai Tadbir

Cawangan Audit Dalam

1. Encik Ayub Karim Bin Kasim
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN Y. BHG. DATO' Pengerusi

- 1.1 Y. Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan salam dan selamat datang serta terima kasih kepada semua Ahli Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan yang hadir di Mesyuarat ini dan seterusnya memaklumkan antara lain :
 - 1.1.1 Mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua khususnya kepada pihak Urus Setia kerana Kementerian Kesihatan telah diberi Sijil Penghargaan oleh pihak JPA. Sijil Penghargaan ini diberi kerana atas kejayaan mengadakan Mesyuarat MBJ peringkat Ibu Pejabat KKM sebanyak 4 kali pada tahun 2006 seperti yang diarahkan oleh Pihak JPA mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 2002.
 - 1.1.2 Bersama-sama meningkatkan kualiti dan prestasi Mesyuarat MBJ pada tahun 2007 terutamanya dari segi ketetapan masa, kualiti perbincangan dan fokus dalam Mesyuarat MBJ.
 - 1.1.3 Merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Lim Kar Keng, bekas Setiausaha Bahagian Kewangan yang merupakan Ahli MBJ Pihak Pegawai, Ibu Pejabat KKM yang telah bersara wajib pada 26 Februari 2007.
 - 1.1.4 Mengalu-alukan Setiausaha Bahagian Kewangan yang baru iaitu Encik Ng Swee Ting ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 03 /2006

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 04/2006 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Taska Untuk Anak Anggota di Putrajaya (1/2005 – 23 Ogos 2005)

3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelupusan barang-barang di Dewan Cenderasari selesai sepenuhnya pada **31 Januari 2007**. Perbincangan antara Bahagian Khidmat Pengurusan dan Bahagian Akaun telah diadakan pada **22 Februari 2007** mengenai permindahan fail-fail/ dokumen dari Bilik Fail di Aras 2, Bahagian Akaun ke Jalan Cenderasari. Proses perpindahan ini dijangka selesai pada **awal bulan Mac 2007**. Sebaik sahaja proses perpindahan ini selesai, barulah perancangan untuk menjadikan premis tersebut sebagai Taska dapat dijalankan.

3.1.2 Mesyuarat juga telah dimaklumkan bahawa Pekeliling daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai penubuhan Taska dan bayaran/ elaun Taska bagi anggota yang layak belum lagi dikeluarkan dan sedang dalam perbincangan dengan Kementerian Kewangan. Bahagian Khidmat Pengurusan akan memaklumkan kepada semua melalui edaran sekiranya pekeliling itu telah diluluskan.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

3.2 Kafeteria di Kementerian Kesihatan Malaysia (1/2006 – 17 Mac 2006)

3.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa kajian perbandingan harga makanan telah dilaksanakan dan hasil kajian mendapati bahawa harga makanan dan minuman di kafeteria KKM ditentukan melalui saiz dan kuantiti. Oleh yang demikian, secara umum harga makanan bagi semua kafeteria di Parcel E adalah hampir sama.

Makluman

3.2.2 Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah membuat pemeriksaan pada 14 Februari 2007 dan mendapati bahawa tahap kebersihan masih tidak memuaskan dengan peratusan markah sebanyak 37.8%. Mengikut BKKM, markah dibawah 50% membolehkan sesebuah premis menjual makanan ditutup selama 14 hari untuk kerja-kerja pembersihan. Mesyuarat bersetuju supaya BKKM menutup kafeteria jika markah kebersihan masih di bawah 50%. Ini bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan dijalankan.

Tindakan : Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.2.3 Mesyuarat bersetuju memohon pihak Jabatan Perdana Menteri untuk menamatkan khidmat kafeteria di Blok E7 sekiranya tiada perubahan dari segi pengurusan dan harga makanan walaupun amaran akhir telah diberi kepada pihak pengusaha.

**Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan
& Bahagian Keselamatan dan
Kualiti Makanan**

3.2.4 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan Bahagian Khidmat Pengurusan agar waktu operasi bagi kafeteria dikawal mengikut waktu bekerja iaitu sebelum pukul 8.30 pagi dan ketika waktu rehat tengahari iaitu pukul 1-2 petang. Ini kerana didapati ramai anggota yang mengunjungi kafeteria pada waktu kerja seawal pukul 12 tengahari dan mengambil masa yang lama ketika di kafeteria.

Tindakan: Bahagian Khidmat Pengurusan

3.2.5 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan Y.Bhg Dato' TKSU (P) untuk mewujudkan '*Coffee Corner*' di setiap Bahagian untuk mengawal waktu kerja anggota serta masa yang diambil untuk sarapan pagi dan makan tengahari agar waktu bekerja tidak terganggu.

Tindakan : Semua Bahagian

**3.3 Carta Organisasi KKM
(4/2006 – 1 Disember 2006)**

3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa perkara ini sedang dalam tindakan untuk menyediakan dan memasang Carta Organisasi yang baru. Bahagian Khidmat Pengurusan telah mendapat pengesahan daripada Bahagian Sumber Manusia mengenai struktur organisasi KKM yang terbaru melalui memo bertarikh 8 Februari 2007.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

**3.4 Penyelarasan Talian Sambungan Dan Kod Talian Telefon
(4/2006 – 1 Disember 2006)**

3.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa urusan penukaran kod telah selesai sepenuhnya pada 18 Disember 2007. Penyelarasan talian sambungan akan dilaksanakan berdasarkan permintaan Bahagian-bahagian atau Unit dari semasa ke semasa.

Makluman

**3.5 Menaik Taraf Jurutaip N11 ke N17
(4/2006 – 1 Disember 2006)**

3.5.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia sedang mengkaji perkara ini sebelum kertas cadangan dikemukakan ke Agensi Pusat. Y.Bhg Dato' Pengerusi menyarankan kertas cadangan tersebut dapat disediakan dalam tempoh 3 bulan.

Tindakan : Bahagian Sumber Manusia

**3.6 Elaun Tanggung Kerja
(4/2006 – 1 Disember 2006)**

3.6.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan Elaun Tanggung Kerja yang tidak lulus adalah disebabkan kelewatan atau permohonan yang melebihi 3 bulan setelah urusan tanggung kerja. Dokumen yang tidak lengkap juga merupakan salah satu faktor utama permohonan tidak diluluskan.

Makluman

3.6.2 Mesyuarat dimaklumkan mengenai teguran Y.Bhg Dato' TKSU (P) bahawa pegawai yang menanggung kerja hendaklah sentiasa menyemak status permohonan Elaun Tanggung Kerja yang telah dikemukakan melalui Ketua Jabatan serta memastikan dokumen itu lengkap dan mengikut saluran yang betul sebelum kelulusan diperoleh.

Makluman

3.6.3 Mesyuarat mengambil maklum mengenai kekeliruan Ahli Pihak Pekerja MBJ berkaitan status kelulusan Elaun Tanggung Kerja dan mereka minta agar permohonan yang tidak lulus dikaji semula.

Tindakan: Bahagian Sumber Manusia

3.7 Keahlian Pihak Pekerja MBJ (4/2006 – 1 Disember 2006)

3.7.1 Pihak JPA telah bersetuju meluluskan pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) (No. MBJ : 0900001) berkenaan dengan bilangan Keahlian Pihak Pekerja iaitu seramai **55** orang melalui surat bertarikh **17 Januari 2007**.

Makluman

3.7.2 Pihak JPA telah bersetuju meluluskan pindaan Perlembagaan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) (No. MBJ : 0900001) berkenaan dengan bilangan Keahlian Pihak Pekerja iaitu seramai **55** orang melalui surat bertarikh **17 Januari 2007**.

Tindakan : Ahli Pihak Pekerja

3.7.3 Mesyuarat mengambil maklum mengenai maklumbalas daripada Wakil Pihak Pekerja tentang ketidakhadiran Ahli-ahli Pihak Pekerja yang lain adalah kerana terlibat dengan tugas lain yang diberikan oleh Bahagian masing-masing. Y. Bhg Dato' Pengerusi meminta Ahli Pihak Pekerja agar

memaklumkan kepada AJK Pihak Pekerja atau Urus Setia sebab-sebab ketidakhadiran ke Mesyuarat MBJ serta senarai Bahagian yang tidak menghantar wakil Ahli Pihak Pekerja yang telah dicalonkan oleh Ketua Bahagian masing-masing pada Mesyuarat yang akan datang untuk meningkatkan prestasi dan menjaga kualiti Mesyuarat MBJ.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

3.8 Pelbagai Kursus Bagi Pembantu Tadbir (4/2006 – 1 Disember 2006)

3.8.1 Mesyuarat mengambil maklum Bahagian Kewangan memang memberi peluang kepada Pembantu Tadbir di Bahagian Kewangan untuk mengikuti pelbagai kursus sama ada yang dianjurkan oleh KKM atau agensi luar seperti INTAN. Sejumlah 26 orang Pembantu Tadbir Bahagian Kewangan yang telah menghadiri kursus-kursus dan bengkel. Bahagian Khidmat Pengurusan juga telah dan akan melaksanakan beberapa kursus yang melibatkan Pembantu Tadbir di peringkat Ibu Pejabat.

Makluman

3.8.2 Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan Y. Bhg Dato' TKSU (P) tentang penglibatan Ahli Pihak Pekerja MBJ dalam merancang serta membentuk kursus dan bidang yang diperlukan oleh anggota KKM dari segi Latihan Dalam Perkhidmatan di peringkat IPKKM. Anggota KKM juga dialu-alukan untuk memberi pendapat dan cadangan melalui wakil Ahli Pihak Perkerja MBJ di Bahagian masing-masing untuk membantu Bahagian Pengurusan Latihan dalam membentuk kursus yang bersesuaian dengan kerjaya anggota KKM.

**Tindakan : Wakil Pihak Pekerja & Bahagian
Pengurusan Latihan**

3.8.3 Mesyuarat dimaklumkan oleh SUB (PL) mengenai peruntukan sebanyak RM 12 juta bagi tahun 2007 untuk tujuan Latihan Dalam Perkhidmatan di KKM. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah 60% telah diagihkan kepada Kumpulan Sokongan yang merupakan bilangan yang lebih

ramai berbanding dengan Kumpulan Pengurusan & Profesional.

Makluman

- 3.8.4** Mesyuarat mengambil maklum berkenaan semua Bahagian untuk mengadakan pelbagai kursus untuk Pembantu Tadbir.

Tindakan : Semua Bahagian

3.9 Laluan Berbumbung Dari Blok E10 ke Kompleks Anjung (4/2006 – 1 Disember 2006)

- 3.9.1** Mesyuarat mengambil maklum akan pendapat Bahagian Khidmat Pengurusan bahawa laluan berbumbung tidak sesuai dibina dari Blok E10 ke Anjung memandangkan laluan tersebut adalah laluan utama semua kenderaan termasuk kenderaan berat.

- 3.9.2** Walau bagaimanapun, Bahagian Khidmat Pengurusan memaklumkan bahawa surat telah dihantar oleh KKM kepada PjH bagi mendapatkan kebenaran membina laluan berbumbung di antara Blok-blok E1, E6, E7 dan E10. Sehubungan dengan itu, kos-kos pembinaan adalah ditanggung oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sendiri.

Makluman

3.10 Set Uniform Untuk Anggota KKM (4/2006 – 1 Disember 2006)

- 3.10.1** Mesyuarat mengambil maklum bahawa kain tudung telah pun dimasukkan sebagai pakaian seragam anggota kejururawatan. Oleh yang demikian, tudung akan dibekalkan dengan pakaian seragam yang baru.

Makluman

- 3.10.2** Mesyuarat mengambil maklum mengenai keperluan pembekalan baju makmal (lab coat) kepada semua pegawai sains (kaji serangga) di Bahagian Kawalan Penyakit memandangkan ia merupakan satu keperluan dan

penggunaannya sepanjang tahun adalah agak kerap. Data lengkap mengenai kekerapan kursus yang memerlukan penggunaan *lab coat* telah dikemukakan oleh wakil Pihak Pekerja MBJ bagi kumpulan pegawai sains kepada Bahagian Khidmat Pengurusan.

3.10.3 Bahagian Khidmat Pengurusan akan menyediakan justifikasi berdasarkan data yang diterima dan mengemukakan kepada Y. Bhg Dato' TKSU (P) untuk perakuan sebelum diusulkan kepada Y. Bhg Dato' Pengerusi untuk pertimbangan selanjutnya.

**Tindakan : Y. Bhg Dato' TKSU (P) &
Bahagian Khidmat Pengurusan &
Wakil Pihak Pekerja**

**3.11 Pemasangan Lampu Di Antara Blok E7 dan E11
(4/2006 – 1 Disember 2006)**

3.11.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai lampu di antara Blok E7 dan E11 telah sedia ada. Namun begitu, terdapat kerosakan pada sistem pendawaian dalaman dan bukannya pada mentol-mentol berkenaan dan ia di luar bidang kuasa pihak Kenangan Emas Sdn Bhd. Sistem pendawaian adalah merupakan tanggungjawab **Norwest Orbitech-IJM** iaitu kontraktor utama bagi bangunan di Blok E7 dan E11.

Makluman

3.11.2 Mesyuarat mengambil maklum arahan Y. Bhg Dato' Pengerusi agar penyusulan dibuat mengenai lampu yang masih tidak berfungsi serta semakan dengan pihak kontraktor sebagai susulan Mesyuarat Penyelenggaraan dan Kecacatan bersama dengan pihak JKR. Perkembangan terkini masalah penyelenggaraan masalah tersebut perlu dimaklumkan pada mesyuarat yang akan datang.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.0 ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH PIHAK PEKERJA

4.1 Kualiti Makanan Kafeteria di KKM

4.1.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh wakil Pihak Pekerja MBJ bahawa kualiti makanan yang terdapat di kafeteria di Blok E7 adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana makanan yang dijual telah lama disediakan dan didapati ada kuih yang telah digoreng semula berdasarkan tekstur dan rasa makanan berkenaan.

4.1.2 Wakil Pihak Pekerja mencadangkan agar Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan dapat mengadakan pemeriksaan dan memantau tahap kualiti makanan yang disediakan untuk memastikan pengusaha menjaga kualiti makanan yang dijual di kafeteria KKM.

Tindakan : Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan

4.2 Mengemaskini Buku Panduan Telefon Anggota Ibu Pejabat

4.2.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Pengurusan tidak akan mengeluarkan buku panduan telefon lagi di peringkat Ibu Pejabat KKM kerana maklumat tersebut boleh didapati dengan mudahnya dengan melayari laman web KKM. Ini adalah kerana pergerakan anggota KKM (pertukaran masuk dan keluar) adalah terlalu cepat dan penghasilan buku panduan adalah tidak ekonomik.

Tindakan : Semua Bahagian

4.2.2 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan SUB (P) agar sentiasa mengemaskini maklumat di laman web oleh setiap Bahagian terutamanya nombor telefon serta pegawai yang terlibat supaya infomasi yang terpapar adalah yang terkini.

Tindakan : Semua Bahagian

4.3 Kod Telefon Antara Parcel-Parcel

4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan Wakil Ahli Pihak Pekerja untuk melaksanakan penggunaan kod panggilan telefon antara Parcel kerana Ahli Pihak Pekerja telah dimaklumkan bahawa sistem ini telah pun diwujudkan di antara Parcel-Parcel lain kecuali Parcel E.

4.3.2 Mesyuarat dimaklumkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan bahawa perkara ini timbul kerana penyediaan sambungan telefon adalah dikendalikan oleh kontraktor yang berlainan di Parcel masing-masing. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula secara terperinci kerana melibatkan beberapa Kementerian di Parcel E.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.4 Keselamatan Di Bangunan KKM

4.4.1 Mesyuarat mengambil maklum akan aduan daripada Ahli Pihak Pekerja mengenai gangguan bilangan jurujual/promoter yang semakin ramai di bangunan KKM ketika waktu bekerja.

4.4.2 Mesyuarat dimaklumkan oleh Y.Bhg Dato' Pengerusi supaya perkara ini diberi perhatian kerana akan mengganggu pegawai yang bertugas. Y.Bhg Dato' Pengerusi juga mengarahkan bahawa hanya mereka yang ada temujanji serta urusan rasmi sahaja yang dibenarkan berada di bangunan KKM.

4.4.3 Mesyuarat dimaklumkan agar pengawalan yang lebih ketat harus dilakukan oleh pengawal keselamatan di KKM. Pegawai Khidmat Pelanggan juga harus diberi pendedahan dan latihan untuk mengawal kumpulan jurujual/promoter ini bagi memastikan keselamatan anggota KKM sentiasa terjamin.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.5 Penyelenggaraan Lif

- 4.5.1** Mesyuarat mengambil maklum tentang aduan Ahli Pihak Pekerja mengenai keadaan lif di basement Lobi 1 , Blok E7 KKM yang kurang memuaskan.
- 4.5.2** Mesyuarat juga dimaklumkan oleh Wakil Pihak Pekerja mengenai penggunaan lif pelawat oleh pihak catering serta pihak penyelenggaraan bangunan sering berlaku. Ini menyebabkan ketidakselesaan kepada anggota KKM serta pelawat ketika berada dalam lif. Wakil Pihak Pekerja meminta agar pihak terbabit hanya boleh menggunakan lif servis sahaja ketika menjalankan tugas.
- 4.5.3** Mesyuarat juga mengambil maklum atas cadangan Ahli Pihak Pekerja agar meletakkan senarai Bahagian mengikut aras (level) di setiap lif terutamanya lif-lif Lobi Utama di Blok E7 bagi memudahkan pelawat atau anggota KKM dari Blok lain sebagai rujukan ketika menuju ke Bahagian / Cawangan yang diingini.

Tindakan : Bahagian Khidmat Pengurusan

4.6 Menaiktaraf Kelayakan Jawatan Anggota Kategori Sokongan II

- 4.6.1** Mesyuarat mengambil maklum cadangan dari Wakil Pihak Pekerja untuk menaiktaraf Kelayakan Jawatan Anggota Kategori Sokongan terutamanya PAR dan Pemandu dari kelayakan UPSR kepada SRP/PMR. Walau bagaimanapun, Y.Bhg Dato' Pengerusi melihat perkara ini merupakan satu isu nasional yang melibatkan banyak peringkat serta menyentuh Dasar Pengambilan Tenaga Buruh secara keseluruhan. Maka dicadangkan agar perkara ini lebih sesuai untuk diketengahkan dalam forum yang lain.

Makluman

5.0 HAL – HAL LAIN

5.1 Kemudahan Kad Nilai Tambah Handset Bagi Pemandu

5.1.1 Mesyuarat dimaklumkan oleh Y.Bhg Dato TKSU (P) mengenai keputusan Pihak Pengurusan untuk membekalkan **RM30** sebulan untuk kad Nilai Tambah Handset bagi pemandu yang bertanggungjawab kepada Pegawai Pengurusan Tertinggi JUSA B ke atas berkuatkuasa **1 Mac 2007** melalui mesyuarat dengan pemandu-pemandu di IPKKM.

Makluman

5.2 Keahlian Kelab KKM

5.2.1 Mesyuarat juga dimaklumkan oleh Y.Bhg Dato' TKSU (P) bahawa penyertaan anggota KKM untuk menjadi Ahli Kelab Kementerian Kesihatan adalah amat dingin. Oleh itu, Wakil Pihak Pekerja adalah diminta untuk membuat kempen bagi menarik lebih ramai anggota demi menaikkan bilangan penyertaan Ahli Kelab KKM.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

5.3 Peruntukan Bagi Aktiviti Anjuran Ahli Pihak Pekerja MBJ

5.3.1 Mesyuarat mengambil maklum mengenai permintaan Ahli Pihak Pekerja MBJ untuk mendapatkan sedikit peruntukan bagi menjalankan aktiviti atau lawatan sambil belajar yang berfaedah.

5.3.2 Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk memberi pendedahan kepada anggota serta untuk meningkatkan kemahiran dan penanda aras (benchmark) kualiti-kualiti pengurusan yang cemerlang berkaitan kerja harian. Y. Bhg Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa akan membuat pertimbangan yang sewajarnya jika Ahli Pihak Pekerja dapat menyediakan kertas kerja yang lengkap mengenai cadangan aktiviti yang akan dijalankan itu.

Tindakan : Wakil Pihak Pekerja

5.4 Khidmat Kaunselor Di IPKKM

5.4.1 Mesyuarat mengambil maklum persoalan Ahli Pihak Pekerja berkenaan tahap kepercayaan anggota KKM terhadap khidmat kaunselor yang sedia ada di Kementerian ini.

5.4.2 Perkara ini ada kaitan dengan rasa tidak puas hati Pihak Pekerja mengenai markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang diberikan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Ada anggota rasa tertekan serta tidak seronok untuk bekerja. Pihak Pekerja juga ingin mendapat penjelasan lanjut bagaimana kaunselor yang sedia ada dapat membantu anggota KKM dalam menghadapi situasi sedemikian.

Tindakan : Kaunselor

5.5 Keraguan Mengenai Isu Yang Boleh Dibawa Ke Mesyuarat MBJ

5.5.1 Mesyuarat mengambil maklum tentang keraguan Ahli Pihak Pekerja mengenai isu yang boleh dibawa ke Mesyuarat MBJ. Y. Bhg Dato' Pengerusi telah memaklumkan Ahli Pihak Pekerja agar merujuk kepada Perlembagaan MBJ IPKKM mengenai perkara ini.

Makluman

6.0 Penangguhan Mesyuarat

6.1 Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Y.Bhg. Dato' Pengerusi.

Disediakan Oleh:
Urus setia
Cawangan Pengurusan Personel
Bahagian Khidmat Pengurusan

Disemak Oleh

.....
(ZALEKHA BINTI HAJI MOHAMED TAHIR)

Setiausaha

Majlis Bersama Jabatan

Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

Disemak Bersama

.....
(MAHANUM BINTI DAIM)

Pengerusi Ahli Pihak Pekerja

Majlis Bersama Jabatan

Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia